

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 27 Jun 2021 10:25
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Syarahan Felo Adjung Dato' Azli Halim Kupas Isu Pelancongan Pasca Covid-19



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 JUN 2021 / 17 ZULKAEDAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Aida Rasyidah Ahmad Muaen
Gambar oleh: STHEM

SYARAHAN FELO ADJUNG DATO' AZLI HALIM KUPAS ISU PELANCONGAN PASCA COVID-19

WHY TOURISM MATTERS

Every

THANKS FOR WATCHING

POTENSI PELANCONGAN PASCA COVID-19
Potential of Tourism Post Covid-19 bersama Dato' Azli Halim
8 June 2021 (Tuesday) | 2.30 p.m.

IMPAK COVID 19 TERHADAP PELANCONGAN

Kesan yang negatif ke atas industri pelancongan dan kebudayaan negara serta merjeaskan banyak perniagaan dalam industri berkaitan seperti penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makan dan minuman, seni dan budaya dan pengangkutan acara-acara perniagaan

- 4 juta individu Yang Terlibat Dalam Sektor Pelancongan
- 640 ribu syarikat yang mengusahakan produk dan perkhidmatan pelancongan

RECOVERY RATES BY DESTINATION SUB-REGION 2021 TO 2023, %

Region	2021	2022	2023
THE AMERICAS	20%	25%	30%
ASIA	15%	20%	25%
THE PACIFIC	10%	15%	20%
AFRICA	5%	10%	15%
EUROPE	10%	15%	20%

When will tourism bounce back?

COVID-19 has decimated the global tourism industry. New modeling by McKinsey suggests that the recovery may be slow.

\$8.1 trillion

Global tourism revenue in 2019

2024

When tourism may return to 2019 levels

Long recovery

It is a realistic scenario where the shock is contained and economic rebound is slower than expected. A recovery will take until 2023.

UUM ONLINE: Lebih 500 peserta dari sektor pelancongan seperti Tourism Malaysia Moscow dan Tourism Malaysia Medan, Indonesia telah menyertai Syarahan Felo Adjung STHEM bersama Dato' Azli Halim menerusi Webex dan Facebook Live STHEM, baru-baru ini.

Syarahan Felo Adjung anjuran Pusat Pengajian Pelancongan, Hospitaliti dan Acara (STHEM) bertajuk '*Everything Under the Sun Is Tourism*' itu mengupas isu potensi pelancongan pasca Covid-19 dan ia dikendalikan moderator yang juga Timbalan Dekan STHEM, Dr. Ahmad Edwin Mohamed.

Dato' Azli berkata, pelancongan amat penting di setiap negara meskipun dengan pelbagai cabaran yang dihadapi pada saat ini.

Menurutnya, cabaran Covid-19 memberi tamparan hebat kepada semua penggiat industri pelancongan dari sektor perhotelan, agensi pelancongan dan banyak lagi.

Katanya, sektor pelancongan merupakan sektor yang paling cepat terjejas dan mengambil masa yang lama untuk kembali pulih.

"Mengikut jangkaan kadar pemulihan dari Pacific Asia Travel Association (PATA) menjangkakan industri pelancongan dapat pulih sepenuhnya pada tahun 2023 dengan mengikut tahap pasaran negara tersebut. Sekiranya industri pelancongan dapat pulih sepenuhnya pada tahun 2024, dijangkakan nilai transaksi pasca Covid-19 melebihi 8.1 trillion mengikut pemulihan jangka masa panjang.

"Justeru, saya berharap agar penghujung tahun depan dapat menaikkan semula industri pelancongan dengan pembukaan semula pintu sempadan, malah industri pelancongan akan lebih bersiap sedia sekiranya ada *roadmap* apabila sempadan negara akan dibuka bagi memberikan keyakinan yang tinggi kepada pelancong," katanya.

Di samping itu, beliau juga berharap kerajaan dapat memberikan kelonggaran kepada sektor yang tidak memberikan impak tinggi terhadap peningkatan kes Covid-19 kerana sektor pelancongan paling berhati-hati dengan menjaga prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Syarahan tersebut turut disertai Dekan STHEM, Dr. Johan Afendi Ibrahim.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.